

Perdana Menteri yakin Johor muncul kuasa ekonomi baharu pada masa depan

# Hubungan istimewa bawa rahmat

**ISKANDAR PUTERI** – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan hubungan baik kerajaan Pusat dan kerajaan negeri antara penyumbang kepada pembangunan menakjubkan yang dialami Johor.

"Sebenarnya tidak payah beritahu sebab saya dah tahu pasal kemajuan begitu memberangsangkan yang dicapai Johor. Saya pernah mengemukakan ayat yang saya anggap Johor satu kuasa ekonomi baharu untuk negara Malaysia."

"Ini satu pengiktirafan jelas iaitu kadar pertumbuhan malah nadi pertumbuhan negara berpusat dan dari Johor," katanya ketika berucap merasmikan Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar di sini semalam.

Najib berkata, ekspo itu diadakan tepat pada waktunya kerana dapat memberikan maklumat lebih jelas dan terperinci ketika ada pihak tertentu cuba mengelirukan rakyat.

"Sebenarnya kerajaan kita tidak perlu jual harapan dan janji sebab kita sudah laksanakan. Kami bukan berjanji tetapi kami sebenarnya sedang menaikkannya," kata Najib.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut melancarkan kentudahan pengangkutan awam Bas Rapid Transit (BRT), Pelan Induk Kemahiran Johor, Program Perumahan Rakyat dan Dasar Kelestarian Negara.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Johor, Da-



NAJIB (kiri) tergelak melihat karikatur wajahnya sambil diperhatikan Mohamed Khaleid ketika melawat Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar, Johor semalam.



NAJIB (tengah) diberi penerangan mengenai replika Stadium Tertutup Larkin ketika melawat Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar, Johor.

tuk Seri Mohamed Khaleid Nordin.

Mengenai projek BRT, beliau berkata, ia akan menelan belanja RM2.56 bilion dengan RMI bilion daripadanya dibiayai kerajaan Pusat manakala baki ditanggung menerusi kerjasama swasta dan awam.

Beliau berkata, projek BRT yang berkonsepkan keterangkuman serta kemampunan itu akan dibangunkan kerajaan Pusat melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar dan

kerajaan negeri Johor.

"BRT akan menjadi tulang belakang infrastruktur pengangkutan awam di Wilayah Iskandar Malaysia untuk dua dekad yang akan datang," ujarnya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, BRT dijangka beroperasi pada 2021 meliputi 90 peratus kawasan Is-

kandar Malaysia dengan laluan sepanjang 51 kilometer dan mempunyai 89 stesen.

"Pembangunan sistem BRT ini akan dipastikan mempunyai sambungan yang lancar ke Sistem Transit Rapid, rel berkelajuan tinggi, KTM Komuter dan terminal bas antara bandar," kata beliau.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

## Wakaf Tunai

"Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara (iaitu): sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan, atau doa anak yang soleh"

(HR. Muslim no. 7631)

kini boleh disertai dengan **POTONGAN GAJI**

www.maidam.gov.my 09-630 3030

info@maidam.gov.my maidamterengganu

## Jamal Yunos dibebaskan tahanan reman sehari awal

**KUALA LUMPUR** – Pengerusi Gabungan NGO Selangor, Datuk Seri Jamal Md. Yunos dibebaskan sehari lebih awal daripada perintah reman Mahkamah Majistret Shah Alam di Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, Selangor kira-kira 730 malam semalam.

Jamal berkata, dia bersyukur kerana telah dibebaskan dengan lebih awal setelah siasatan terhadapnya selesai.



KERATAN Kosmo! semalam.



JAMAL

"Gimik yang kami lakukan dengan memecahkan botol arak adalah untuk memberitahu seluruh rakyat terutamanya di Selangor bahawa perbuatan meminum arak adalah tidak baik dan ditegah bukan sahaja Islam tetapi agama-agama lain.

"Saya bersyukur kerana telah dibebas-

kan sehari lebih awal dan terima kasih kepada pihak polis yang melakukan siasatan dengan cepat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, Jamal dan tujuh pekerjaanya di-reman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung insiden memecahkan botol minuman keras di hadapan pintu pagar Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di Shah Alam.